

03 OCT 1996

Mahathir-industri

RAKYAT MESTI KUASAI TEKNOLOGI BAGI INDUSTRIALISASI NEGARA, PM

GURUN, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat Malaysia supaya terus mempelajari ilmu dalam bidang perindustrian untuk menggerakkan proses industrialisasi negara.

Katanya rakyat harus terus mengejar ilmu kerana melaluinya Malaysia akan berubah menjadi sebuah negara perindustrian yang dapat menukar imejnya yang dianggap sebagai negara pertanian.

"Kita hanya perlu ada sedikit keyakinan kerana ia sudah pasti membolehkan kita untuk mencapai hasrat itu," katanya ketika merasmikan kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) dan melancarkan motosikal keluaran kilang itu yang beliau namakan Kriss.

Dr Mahathir berkata kejayaan Modenas harus dijadikan dorongan kepada negara untuk menerokai bidang-bidang baru termasuk pembuatan alat elektrik bagi kegunaan di rumah.

Katanya walaupun pada mulanya ramai yang sangsi dengan keupayaan negara untuk menghasilkan motosikal sendiri walaupun sudah berjaya mengeluarkan kereta nasional, kejayaan Modenas hari ini adalah bukti nyata bahawa Malaysia boleh melakukan apa yang dihasratkan.

Beliau memuji langkah Modenas mengadakan usahasama dengan Kawasaki Heavy Industries dan Nissho Iwai Corporation dari Jepun kerana ia membabitkan pemindahan teknologi yang bermanfaat kepada negara.

Beliau juga berkata usahasama ini, yang turut membabitkan Khazanah Nasional Bhd, adalah sesuatu yang lebih baik berbanding usahasama dalam keluaran kereta nasional kerana rakan kongsi Malaysia diberi peluang untuk melaksanakan hampir keseluruhan projek termasuk rekabentuk kilang dan motosikal.

Modenas telah berjaya membuktikan ia berupaya melakukannya dan ini sekali gus menunjukkan bahawa Malaysia tidak kurang berkeupayaan daripada negara-negara maju, kata Perdana Menteri.

Kalau dahulu, katanya, orang beranggapan hanya Barat sahaja yang mampu atau mempunyai kepakaran kejuruteraan tetapi Jepun dan Korea telah membuktikan mereka juga ada kemahiran itu.

Kini tiba giliran Malaysia untuk menunjukkan kepada orang lain bahawa ia juga berkeupayaan menghasilkan barangan-barangan yang dahulunya dianggap mustahil dapat dikeluarkan oleh negara ini, kata Dr Mahathir.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa kejayaan Malaysia dalam bidang industri sekarang dan kemakmuran yang dinikmatinya ini adalah hasil keamanan negara dan hubungan baik antara kaum.

Katanya seperti projek lain, Modenas mencerminkan hasrat kerajaan mengagihkan kemakmuran dan kejayaan kepada semua bangsa.

Contohnya, kata beliau, kewujudan Modenas menambah jumlah pengedar motosikal dari kalangan bumiputera yang dahulunya cuma satu peratus tetapi kini meningkat kepada sembilan peratus.

Industri ini juga memberi peluang kepada masyarakat pelbagai keturunan untuk bergiat dalam sektor perniagaan khususnya dalam sistem vendor bagi membekalkan komponen kepada kilang Modenas serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Kata Dr Mahathir kerajaan akan memastikan kekayaan negara diagih-agihkan secara adil agar negara terus aman dan rakyat hidup senang, dan dengan ini pembangunan negara akan menjadi lebih pesat.

"Apabila negara bertambah maju dan mencapai matlamat Wawasan 2020

rakyat negara ini boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia," katanya.

Modenas adalah usahasama antara DRB-HICOM yang memegang ekuiti 55 peratus, Khazanah Nasional 15 peratus, Kawasaki Heavy Industries 19 peratus dan Nissho Iwai Corporation 11 peratus.

Kilang itu di kawasan seluas 28.4 hektar dalam kawasan perindustrian Gurun setakat ini membabitkan pelaburan melebihi RM300 juta.

Pada tahun pertama kilang itu akan mengeluarkan 100,000 unit motosikal Kriss 110cc berenjin empat lejang, dalam dua model iaitu penghidup enjin kuasa elektrik dan satu lagi kaedah manual alat tendang-hidup.

Pengeluaran kilang itu akan ditambah kepada 200,000 unit pada tahun kedua dan 350,000 unit pada tahun ketiga.

Perdana Menteri pada persidangan berita selepas itu berkata, kerajaan belum meluluskan harga jualan Kriss.

Bagaimanapun adalah dipercayai motosikal nasional itu akan dijual pada harga yang bersaing dengan model-model lain pada paras RM4,000 ke bawah.

Dr Mahathir juga berkata Modenas mengeluarkan model 110cc kerana model ini banyak digunakan oleh rakyat berpendapatan rendah sederhana.

"Mungkin suatu masa kelak, Modenas akan mengeluarkan motosikal berkuasa tinggi tetapi sekarang ini kita tumpukan dahulu model yang mampu dibeli untuk rakyat."

Beliau menasihatkan orang ramai terutama golongan remaja janganlah menggunakan Kriss untuk berlumba.

"Kalau nak berlumba, kita merancang mengadakan litar lumba dan mereka boleh berlumba di sana dan akan disediakan hadiah," katanya.

-- BERNAMA

AFJ AHH